

# TPM dapat kebenaran khas lawat Najib

Saifuddin perjas isu Zahid ziarah bawa makanan untuk bekas PM di penjara

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lawatan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ke penjara untuk bertemu bekas Perdana Menteri, Datuk, Seri Najib Razak dibuat dengan kebenaran khas Ketua Pengarah Penjara.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata urusan itu mematuhi Peraturan-Peraturan Penjara 2000, selain beliau mengesahkan ada dimaklumkan mengenai lawatan itu oleh Ketua Pengarah Penjara, Datuk Nordin Muhamad.

Walaupun dimaklumkan mengenai urusan itu, beliau bagaimanapun

manapun menegaskan tidak mencampuri sebarang proses atau urusan lawatan berkenaan kerana ia dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Penjara.

"Saya nak sebut bahawa Peraturan-Peraturan Penjara 2000 Bahagian 10 di bawah perkara surat dan lawatan kepada banduan.

"Ada bahagian 10 itu, ada satu peraturan. Peraturan itu adalah Peraturan 86. Ia memperuntukkan kuasa kepada kecuai dengan kebenaran khas yang dipakai selama ini adalah oleh Ketua Pengarah Penjara.

"Bunyinya begini, perhubungan antara banduan dengan saudara-mara dan rakan mereka hendaklah dibenarkan mengikut bahagian ini.

"Ia juga tertakluk kepada apa-apa sekatan yang perlu bagi mengekalkan tatatertib dan ketenteraman dalam penjara dan pencegahan jenayah serta tiada seorang lain pun boleh dibenarkan berhubung dengan seorang banduan, kecuali dengan kebenaran khas. Itu prosesnya," katanya pada sidang media di lobi Parlimen semalam.

Pertemuan empat mata sambil menikmati pelbagai makanan yang dibawa, berlangsung di antara Ahmad Zahid dan Najib itu didedahkan sendiri Ahmad Zahid dalam ucapan penggulungan pada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Mengenai Timbalan Perdana Menteri membawa makanan kegemaran Najib ketika melawat bekas Ahli Parlimen Pekan itu, Saifuddin menjelaskan ia mematuhi Peraturan 99, selain dibenarkan berbuat demikian oleh pegawai bertugas ketika itu.

Secara kesimpulannya, beliau berkata permohonan itu semanganya dibuat dengan kuasa pihak penjara yang menguatkuasakan Peraturan Penjara Bahagian 10.

"Peraturan 99 adalah hal makanan (dibawa) dari luar. Tiada seorang pun pelawat boleh dibenarkan membawa masuk apa-apa makanan dari luar melainkan jika dibenarkan pegawai yang menjaga. Itu asasnya.

"Maknanya pihak autoriti pen-



Saifuddin Nasution pada sidang media selepas Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

jara invoke (kuatkuasakan) Peraturan Penjara Bahagian 10... peraturan berkaitan 86 dan 99.

"Saya harap itu boleh membantu rakan media untuk mak-sudnya mendapat perspektif dari pihak autoriti, iaitu tindakan yang dibuat oleh autoriti penjara," katanya.

Mengulas dakwaan ada pihak membawa masuk peranti elektronik ketika lawatan itu, Saifuddin menafikan dengan menegaskan bahawa itu tidak betul, seperti dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Penjara.

Beliau berkata, individu yang ingin masuk ke fasiliti berkenaan perlu melalui pemeriksaan bagi mengelak membawa barang yang dilarang.

"Saya nak sebut bahawa dia bawa sama peranti elektronik itu

tidak betul. Ketua Pengarah Penjara, Datuk Nordin (sendiri) menyebut bahawa dia bawa (peranti elektronik) adalah tak betul.

"Siapa pun yang nak masuk (penjara), dia kena melalui pemeriksaan seperti biasa, tak kira pangkat," katanya.

Selain itu, Saifuddin juga menjelaskan pertemuan antara Ahmad Zahid dan Najib yang berlangsung sekitar dua jam.

Beliau menjelaskan ketetapan berhubung tempoh masa diputuskan oleh pegawai penjara yang bertugas ketika itu.

"Soal masa 30 ke 40 minit atau 45 minit, kadang-kadang pertemuan itu dengan kehadiran pegawai penjara. Pegawai penjara adalah pihak autoriti untuk membuat keputusan ketika itu katanya.